

09 JAN 1999

Mahathir-Abdullah

BIASANYA TPM GANTI SAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mengikut kebiasaan, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang semalam diumumkan sebagai Timbalan Perdana Menteri, akan menjadi penggantinya sebagai Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang ditanya sama ada Abdullah akan menggantikannya sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata: "Kebiasaannya adalah begitu."

"Biasanya timbalan perdana menteri menjadi pengganti tetapi saya telah mempunyai tiga orang timbalan perdana menteri setakat ini dan tiada daripada mereka yang menjadi pengganti saya.

"Sukar untuk menyatakannya sekarang, saya takut untuk mengatakan demikian tetapi biasanya ya." katanya kepada pemberita semasa melawat ibu pejabat Jabatan Imigresen di sini hari ini.

Abdullah yang sebelum ini Menteri Luar, ialah antara yang terlibat dalam rombakan kabinet yang diumumkan oleh Dr Mahathir semalam. Beliau juga dilantik Menteri Dalam Negeri.

Dr Mahathir berkata beliau mengambil kira faktor menyatukan parti apabila melantik Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Ditanya mengapa beliau tidak memegang sebarang portfolio, yang merupakan pertama kali berlaku sejak beliau menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata ini bertujuan meringankan bebanan beliau dan memberikan masa kepadanya untuk menjalankan urusan Perdana Menteri yang semakin meningkat terutama semasa kegawatan ekonomi sekarang.

Menurutnya pada masa dahulu sebahagian daripada tugas-tugas itu, termasuk mengadakan hubungan dan lawatan ke negeri-negeri, diserahkan kepada timbalannya.

"Saya tak lawat negeri-negeri sudah lama, elok melawat negeri-negeri dan jumpa ahli-ahli parti dan orang ramai," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau akan mengadakan lawatan ke negeri-negeri untuk menerangkan pergolakan politik yang sedang berlaku sekarang.

"Saya dah buat satu round sebelum ini untuk menjelaskan tentang kegawatan ekonomi. Lepas itu sudah ada kegawatan politik tetapi saya tidak ada masa (untuk mengadakan lawatan) dan kesempatan untuk membuat penjelasan," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau akan memulakan lawatan ke negeri-negeri selepas Hari Raya ini.

"Ahli-ahli parti kini nampak terkeliru dengan pergolakan politik yang berlaku di negara sekarang," katanya.

-- BERNAMA

AR MAI